



Bursa Malaysia catat penutup bercampur-campur

[f Share](#) [Tweet](#) [g+ Share](#)

KUALA LUMPUR: Bursa Malaysia ditutup bercampur-campur hari ini dalam keadaan dagangan berhati-hati susulan pelabur mengambil keuntungan, terutama dalam saham bermodal kecil, kata peniaga.

Petunjuk pasaran FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) ditutup pada 1,763.34, naik 1.35 mata daripada 1,761.99 semasa ditutup pada Isnin.

Selepas dibuka kukuh 4.01 mata kepada 1,766.0, saham pandu pasaran bergerak antara 1,761.16 dan 1,766.47 sepanjang sesi dagangan.

Di pasaran lebih luas, kaunter rugi, bagaimanapun, mengatasi kaunter untung sebanyak 513 berbanding 329, dengan 389 kaunter tidak berubah, 608 tidak diniagakan dan 25 yang lain digantung.

Jumlah dagangan naik kepada 1.68 bilion unit bernilai RM1.63 bilion daripada 1.67 bilion saham bernilai RM1.68 bilion semalam.

Peniaga berkata sentimen berhati-hati terus menyelubungi pasaran menjelang mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan selama dua hari yang dijangka bermula lewat hari ini.

"Bagaimanapun, peningkatan dalam indeks petunjuk pasaran yang tinggi disokong oleh harga minyak mentah yang kukuh, selain unjuran pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)," katanya.

Semalam, IMF menyemak naik unjurannya bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia untuk 2017 kepada 4.8 peratus daripada 4.5 peratus sebelum ini.

Dalam kalangan saham wajaran tinggi, Tenaga dan Public Bank, masing-masing meningkat empat sen kepada RM14.22 dan RM20.42, manakala CIMB naik satu sen kepada RM6.35.

Maybank susut satu sen kepada RM9.62. Sime Darby kekal tidak berubah pada RM9.55.

Daripada saham aktif, Borneo Oil turun setengah sen kepada 10 sen, MLAB merosot 1.5 sen kepada 15.5 sen dan IWCity jatuh 13 sen kepada RM1.33. GlobalTec dan KGroup, masing-masing tidak berubah pada 6.5 sen dan 3.5 sen. Sam Engineering and Equipment mengatasi senarai paling untung, meningkat 34 sen kepada RM8.30, manakala kaunter paling rugi, Hong Leong Financial, susut 26 sen kepada RM16.92.

Indeks FBM Emas merosot sebanyak 6.48 mata kepada 12,549.59, Indeks FBM Emas Syariah turun 13.86 mata kepada 12,717.56 dan Indeks FBMT 100 berkurangan 3.78 mata kepada 12,193.85.

FBM 70 jatuh 54.01 mata kepada 14,877.61 dan FBM Ace merosot 124.43 mata kepada 6,574.72.

Mengikut sektor, Indeks Kewangan susut 8.52 mata kepada 16,695.13 dan Indeks Perladangan turun 15.29 mata kepada 7,838.46. Indeks Perusahaan naik 5.36 mata kepada 3,283.62. - BERNAMA